

## **RELIGIO-HERMENEUTIK SEBAGAI MODEL PENYELIDIKAN DALAM KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN**

(Religious-Hermeneutics as a Research Model in the Field of Business and Management)

<sup>1</sup> RIDZUAN MASRI\*

<sup>1</sup> SHAHID BASHIR

<sup>2</sup> RAZLINA ABD RANI

<sup>1</sup> Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Nexus International School Malaysia, 62050 Putrajaya, Malaysia

### **ABSTRAK**

Kertas konseptual ini mencadangkan kaedah '*Religio-Hermeneutik*' kepada pengkaji yang ingin membuat kajian mengenai isu kontemporari dalam konteks kerangka agama. Kaedah ini dicadangkan kerana pengkaji mungkin seringkali menghadapi kesukaran untuk membina kerangka penyelidikan dalam dua cabang epistemologi yang berbeza dalam kajian kualitatif. Justeru, kertas ini mencadangkan pembangunaan teori dasar daripada perspektif agama dan bagaimana untuk mengintegrasikan teori tersebut kepada praktis kontemporari. Terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan untuk tujuan pengintegrasian di mana ianya sangat berbeza dengan kaedah kuantitatif mahupun kualitatif yang biasa digunakan. Integrasi dilakukan berasaskan daripada teks-teks agama, manakala teori atau proses dalam konteks kontemporari dibincangkan dengan mengambil kira tasawwur daripada aspek-aspek yang tertentu. Dapatkan daripada kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat banyak teori dan proses dalam konteks kajian sains sosial yang boleh diintegrasikan. Sekiranya kedua-dua teori dan proses ini dapat diintegrasikan, ianya boleh menjadi sebagai kerangka kajian yang sistematik, jelas dan tersusun. Ianya juga boleh menjadi pendekatan baru secara aktif dalam kajian bidang pengurusan dan perniagaan. Kertas konseptual ini juga boleh membantu pengkaji yang masih samar-samar tentang bagaimana pendekatan hermeneutik ini boleh digunakan dalam penyelidikan kualitatif mereka diperingkat pasca ijazah.

\*Corresponding author: Ridzuan Masri, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Infrastructure University Kuala Lumpur, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia, e-mel: [ridzuan@jukl.edu.my](mailto:ridzuan@jukl.edu.my)

Diserahkan: 28 Ogos 2014

Diterima: 21 Mac 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2015-0701-08>

**Kata Kunci :** *Religio-Hermeneutik; integrasi ilmu; islamisasi ilmu pengetahuan*

**ABSTRACT**

*This conceptual paper proposes the ‘religious-hermeneutics’ to the researcher who want to embark the study on contemporary issues within the religious framework of research. This method is proposed because there are researchers that may face difficulties to establish the research framework for two different epistemologies in the qualitative study. Therefore, this paper suggests the use of underpinning theory from the religious perspective and how to integrate such theory with the contemporary practices. Several steps need to be performed for the purpose of integration, which is very unusual from the quantitative or qualitative methods that are commonly used. Integration will be done based on religious texts whereas, the contemporary theory or process will be deliberated by taking into consideration the worldview from certain aspects. The finding of this conceptual paper concludes that there are many theories and processes within the context of social sciences knowledge that can be incorporated. If the integration of both theory and process can be established, it can serve as systematic, clear and organized research framework as the new approach of hermeneutics study especially in the field of business and management. This paper can also help the researcher who is still in doubt on how hermeneutics can be used in their qualitative study especially at the post-graduate level.*

**Keywords:** *Religious-hermeneutics; integration of knowledge; islamization of knowledge*

**PENDAHULUAN**

Hermeneutik (*hermeneutics*) dari segi etimologinya ialah suatu seni atau sains interpretasi terutamanya teks berbentuk kitab suci dari wahyu dan juga karya-karya yang membincangkan tentang perihal agama yang ditulis oleh tokoh-tokoh tertentu. Hermeneutik berbeza dengan pendekatan penjelasan dan penerangan secara praktikal atau dikenali sebagai *exegesis* (Oxford English Dictionary 2014). Namun, kerapkali *exegesis* digunakan secara bersilih-ganti dengan hermeneutik. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi makna dan aplikasinya dalam konteks kontemporari.

*Exegesis* pada asasnya merupakan kaedah interpretasi terhadap karya-karya teks (termasuk naskah atau manuskrip) berbentuk falsafah atau keagamaan yang memerlukan pemahaman dan penerangan yang mendalam terhadap sesuatu pernyataan dari teks tersebut. Walau bagaimanapun, dalam penggunaan kontemporari, *exegesis* digunakan dalam inkuiri yang lebih kritikal bagi memberi penerangan yang lebih jitu dalam usaha mencari relevan dalam konteks masa kini atau dalam erti kata lain, membawa pengertian yang menjurus kepada praktikalnya. Interpretasi teks dalam konteks *exegesis* hanya mengkaji dan menginterpretasi dalam konteks teks tersebut. Sebagai contoh, *exegesis*

al-Quran untuk menjawab persoalan isu semasa seperti isu hukum syariah atau tafsiran hadis terhadap sesuatu isu yang berbangkit. Antara contoh lain, menggunakan tradisi dan *sirah* kenabian daripada riwayat yang telah dicatatkan untuk menjawab isu semasa secara tematik (*thematic*) atau kaedah tradisional untuk menjawab isu kontemporari.

Berbeza dengan kaedah *exegesis*, kaedah hermeneutik digunakan secara lebih meluas lagi yang mengandungi interpretasi sama ada secara bertulis, lisan atau bukan lisan. Kaedah ini merupakan satu proses interpretasi yang mempunyai beberapa gabungan pelbagai disiplin ilmu serta mempunyai perspektif dari pelbagai sumber sama ada dari perspektif falsafah, sains, sastera, sains sosial, antropologi, kesenian, sosiologi dan sebagainya. Dalam konteks kajian sains sosial secara khususnya dalam bidang perniagaan dan pengurusan, kaedah hermeneutik diguna pakai bagi menghubungkan interpretasi antara dua atau lebih disiplin ilmu di mana setiap perhubungan itu adalah berkaitan dan berkomunikasi antara satu sama lain. Sebagai contoh dalam kaedah Islam, hermeneutik berasaskan al-Quran memberi tafsiran dan interpretasi secara lebih luas menjangkau pelbagai disiplin ilmu dalam menjelaskan sesuatu isu secara falsafah, sejarah, tradisi, teori dan praktis serta melibatkan kritik dalam kerangka *tasawwur* yang berbeza. Justeru, untuk menghubungkan ilmu sains sosial kontemporari dan teks berkaitan agama dalam konteks penyelidikan atau penyediaan tesis kualitatif, kaedah hermeneutik merupakan kaedah yang praktikal dan juga mampu untuk menyumbang kepada pengetahuan baru secara kukuh, penting dan menyeluruh. Kaedah hermeneutik jika dibandingkan dengan kaedah *exegesis*, lebih luas skopnya dan mempunyai pelbagai sumber interpretasi serta boleh digunakan untuk pelbagai perspektif dalam konteks kontemporari. Kaedah hermeneutik juga menyumbang secara substansial kepada bidang-bidang berkaitan ekonomi seperti teori harga, teori kewangan, keusahawanan, ekonomi kebajikan dan polisi ekonomi (Lavoie 1991).

Genre penulisan melalui kaedah hermeneutik bukanlah semata-mata dalam bentuk inkuiri falsafah ataupun komentar semata-mata, tetapi merangkumi pelbagai aspek lain seperti sejarah, tradisi, teori dan pemikiran kontemporari, metodologi dan sebagainya yang berkemungkinan tidak dapat diterangkan secara empirikal.

### ***RELIGIO-HERMENEUTIK SEBAGAI PARADIGMA PENYELIDIKAN KUALITATIF DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN KONTEMPORARI***

Memang tidak dapat dinafikan, penyelidikan sains sosial terutamanya dari bidang pengurusan dan perniagaan banyak menggunakan data statistik yang dijana oleh perisian komputer untuk mencari jawapan kepada sesuatu isu berdasarkan hasil analisa numerikal. Kaedah positivist ini memerlukan pengkaji untuk menskopkan kajian yang lebih tertumpu kepada satu-satu isu yang spesifik melalui andaian-andaian yang dibina secara hipotesis. Pengukuran terhadap pembolehubah dilakukan dalam beberapa tahap iaitu tahap pengujian teori, membina fakta dan juga mencari hubungan antara pembolehubah-

pembolehubah yang dikaji yang kemudiannya digeneralisasikan dan hasil ujian tersebut akan dimanfaatkan bukan sahaja untuk tujuan penyelidikan tesis akademik tetapi juga termasuk fasilitasi proses membuat keputusan-keputusan strategik dalam organisasi korporat.

Berbeza dengan kaedah positivist yang bercorak empirikal, kaedah hermeneutik merupakan satu kaedah interpretif, pemahaman, analisis dan pengolahan terhadap teks. Dalam konteks kertas konseptual ini ialah teks-teks penulisan berbentuk keagamaan dan falsafah. Kaedah hermeneutik ini tidak memerlukan pengukuran statistik atau penggunaan kaedah temuramah secara temuduga atau kumpulan fokus yang biasa dilakukan. Kajian hermeneutik ini dilakukan daripada pelbagai sumber-sumber bercetak dengan pengawasan dan penyeliaan ketat dari ilmuwan bidang tertentu yang berkaitan dan diyakini latar belakang akademiknya. Pengawasan dilakukan terutamanya dari aspek bahasa dan huraianya secara *exegesis* terlebih dahulu supaya interpretasi teks tidak tersasar. Selepas huraian secara *exegesis* dilakukan, kaedah interpretasi ini kemudiannya dipanjangkan menjadi kaedah hermeneutik iaitu penghuraian dari sumber-sumber yang pelbagai dan berkaitan apabila menghubungkannya dengan teori atau proses dalam konteks kontemporari. Tiada generalisasi dilakukan dalam kaedah ini kerana tidak terdapat andaian-andaian dari hipotesis yang juga tidak dibina.

Walau bagaimanapun, kaedah hermeneutik terhadap teks-teks terdahulu dan menghubungkannya dengan epistemologi moden terutamanya dalam konteks perniagaan atau pengurusan kontemporari sebagai salah satu cabang ilmu sains sosial dianggap sebagai satu bidang baru dan masih lagi diperdebat dan diperincikan kaedah-kaedahnya. Ini adalah kerana, belum terdapat lagi kaedah-kaedah tertentu yang standard untuk mengintegrasikan kedua-dua sumber ilmu iaitu ilmu keagamaan dan ilmu moden untuk menjadi satu bentuk ilmu kontemporari yang baru. Justeru, kita boleh andaikan kaedah hermeneutik dalam konteks penyelidikan kualitatif kontemporari dianggap masih baru dan masih berkembang. Tambahan pula, terdapat usaha untuk menghubungkan kaedah hermeneutik ini dengan ilmu sains sosial moden seperti pengurusan, pemasaran, pengurusan strategik, kepimpinan, ekonomi, dan sebagainya.

Walaupun penggunaan kaedah hermeneutik boleh ditelusuri sejarah penggunaannya sejak era Aristotle membawa kepada era Kristian dan Islam, tetapi kebanyakannya hanya dalam skop kesusasteraan dan falsafah. Sebagai contoh, bermula dari era Hans-Georg Gadamer (2006) melalui bukunya bertajuk *Truth and Methods (Warheit und Methode)* yang membincangkan hubungan yang tegang antara kebenaran hakiki dan metodologi. Dalam menilai perbezaan pengalaman mengenai kebenaran, beliau memfokuskan sepenuhnya kepada fenomena hermeneutik. Antara lain, Bernard J.F. Lonergan (1904-1984) menjelaskan kaedah hermeneutik dalam karyanya *Insight: A Study of Human Understanding* (1957). Buku ini membincangkan metodologi berkenaan struktur kajian empirikal, rasional akal, aktiviti memberi gambaran dan pemahaman, termasuk juga proses bagaimana individu meletakkan kebijaksanaan kreativiti dalam pekerjaan. Grondin (1993) yang menulis *The Universality of Hermeneutics* (1993) dan beberapa

lagi ilmuwan kontemporari yang berusaha menghubungkan keadah hermeneutik dengan ilmu sains sosial moden walaupun kebanyakannya masih lagi dalam bentuk konsep dan falsafah (Gadamer 2006; Malpas 2009; Lonergan 1992; Negru 2007).

Dari perspektif kontemporari Islam, antara ilmuwan yang terkenal yang berusaha mempromosikan kaedah hermeneutik ini antaranya ialah al-Faruqi dan al-Attas yang membicarakan tentang kaedah Islamisasi ilmu moden melalui pemahaman secara jelas berkenaan teks klasik Islam dan penguasaan ilmu pengetahuan moden. Antara tokoh lain, Abu Hamid Sulayman yang juga pendokong projek Islamisasi ilmu yang bertindak sebagai editor kepada projek yang diterbitkan oleh al-Faruqi dan al-Attas dalam konteks perjuangan yang sama.

Namun perbincangan projek Islamisasi ilmu pengetahuan masih lagi berkisarkan kepada tatacara dan kaedah pembentukan kerangka, konsep dan falsafah. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian penulis, usaha merealisasikan gagasan melalui penggunaan kaedah hermeneutik dalam kerangka Islamisasi ilmu ini telahpun bermula dalam waktu dua dekad ini. Justeru, penerangan seterusnya akan mengambil pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari bagi menghuraikan kebanyakan isu-isu yang perlu diambil kira dalam konteks kaedah penyelidikan hermeneutik ini.

### **ASPEK TEKNIKAL DALAM PENYELIDIKAN *RELIGIO-HERMENEUTIK***

Berikutan sifat penyelidikan hermeneutik ini menjadi sebagai sub-disiplin dalam ilmu teologi (Lombaerts & Pollefeyt 2004) dan sangat menitik beratkan soal kesahihan teks dan interpretasi manuskrip, tidak dapat dinafikan ia seringkali tidak terdapat dalam senarai katalog perpustakaan universiti, apatah lagi, interpretasi hermeneutik dalam konteks ilmu pengurusan dan perniagaan. Ini menyebabkan pengkaji atau pelajar mempunyai kurang maklumat tentang apa dan bagaimana menyusun maklumat penyelidikan secara paling sistematik untuk dijadikan sebagai satu tesis yang boleh diterima sebagai hasil penyelidikan akademik. Kesahihan teks dan ketepatan interpretasi yang dihubungkan dengan ilmu pengurusan dan perniagaan kontemporari, boleh membentuk satu disiplin ilmu yang baru dalam konteks teori dan praktis kontemporari (Ridzuan Masri 2012; Ridzuan Masri & Razlina Abd Rani 2015).

Berbanding dengan kaedah kuantitatif, penyelidikan hermeneutik ini tidak mempunyai kaedah tertentu yang boleh dianggap autoriti tentang bagaimana menyusun dan menstruktur satu tesis sekiranya pengkaji memilih untuk mengadaptasi kaedah ini. Pengkaji bebas untuk menyusun sendiri kaedah hermeneutik dalam penulisan mereka dan bagaimana hendak menghubungkannya dengan isu-isu atau teori-teori kontemporari. Justeru, kita akan dapat lihat, kaedah yang digunakan dan output yang dihasilkan oleh pengkaji yang menggunakan kaedah ini mempunyai perbezaan yang sangat ketara antara satu sama lain terutamanya dari segi struktur isi kandungannya.

Di sini, penulis akan menjelaskan apakah yang perlu pengkaji lakukan untuk memulakan penulisan dalam konteks penyelidikan secara hermeneutik ini:-

### **Mengenalpasti isu dan tema dalam konteks masa lalu dan masa akan datang**

Dalam kaedah kualitatif yang biasa, untuk mengenalpasti isu-isu yang hendak dibuat kajian secara tipikalnya adalah melalui pemerhatian terhadap sesuatu peristiwa, temuduga atau pembacaan yang mendalam terhadap kepustakaan (*literature*) yang berkaitan. Kemudian, generalisasi terhadap isu tersebut dilakukan dan diringkaskan menjadi satu tema yang akan dilaksanakan sebagai satu kajian ilmiah. Generalisasi hanya dibuat di peringkat kajian kepustakaan untuk membentuk tema penyelidikan. Ianya berbeza dengan kajian kuantitatif yang melakukan generalisasi disetiap peringkat hubungan antara pembolehubah.

Seperti kajian kuantitatif, masalah kajian dalam kaedah kualitatif juga perlu dinyatakan dengan jelas dan tepat supaya reka bentuk kajian yang dirancang akan berdasarkan tema yang telah digeneralisasikan isunya, seterusnya kajian selanjutnya dilakukan untuk memberi jawapan dan penjelasan yang tepat terhadap inkuiри tersebut.

Dalam kaedah hermeneutik dalam konteks bidang perniagaan dan pengurusan, pengkaji mempunyai dua cara yang boleh digunakan untuk menentukan isu kajian. Cara pertama ialah menentukan isu yang hendak dikaji berdasarkan kaedah kualitatif dengan mengkaji suatu fenomena yang berlaku dan kemudian membuat interpretasi terhadap isu-isu dalam fenomena tersebut melalui kajian terhadap manuskrip agama, sejarah, naratif, metodologi, falsafah dan tradisi yang berkaitan dan kemudiannya mengintegrasikan isu tersebut dengan perspektif agama. Cara yang kedua ialah mengkaji sesuatu teori yang bersifat moden tanpa perlu mengkaji sesuatu fenomena yang berlaku dan kemudiannya mengintegrasikan teori tersebut melalui kajian terhadap sumber-sumber maklumat yang disebutkan tadi (teks agama, sejarah, naratif, metodologi, falsafah dan tradisi). Bagi kedua-dua cara tersebut, konsep dan objektif asas yang tetap perlu dipegang oleh setiap pengkaji dalam bidang ini ialah mewujudkan jambatan bagi menghubungkan ilmu pengetahuan masa lalu dan masa hadapan (Johannes 2004). Dengan memegang konsep asas ini dan juga dengan menentukan cara manakah pengkaji akan pilih (cara pertama atau kedua) untuk melaksanakan kajianya, pengkaji tidak akan mudah tersasar daripada objektif asal penyelidikan yang hendak dilakukan.

### **Membangunkan Teori Dasar (*Underpinning Theory*)**

Dalam kaedah hermeneutik, ia akan menjadi sangat kompleks dan sukar sekiranya pengkaji tidak mahir mengenai kedua-dua perspektif ilmu yang hendak dihubungkan. Ianya juga akan memberi kesan terhadap isu-isu lain yang telah berakar-umbi dalam kerangka epistemologinya (Coelho 2001). Sesuatu teori itu boleh dibangunkan apabila pengkaji telah dapat mengenalpasti dari aspek pembangunan, perkembangan dan

aplikasi kedua-dua pengetahuan teologi dan kontemporari tersebut. Sebagai contoh, untuk menghubungkan antara ilmu silam dan masa hadapan dalam konteks teologi-sains sosial moden, Lonergan (1992) mencadangkan dinamika penyelidikan itu sendiri. Dalam bukunya *Insight*, beliau menulis secara falsafah iaitu dengan cara menggabungkan akal manusia, kewajaran dan dinamika kajian, ia tetap akan membawa kepada penegasan wahyu dalam usaha pencarian ilmu untuk meneguhkan kepercayaan. Dalam ertikata lain, Lonergan menerapkan unsur-unsur agama dan ketuhanan dalam kerangka teori sebab-akibat.

Berbeza dengan cara Lonergan yang lebih bersifat gabungan rasional akal dan wahyu, al-Faruqi pula menegaskan dalam usaha mengintegrasikan ilmu, kajian terhadap sejarah dan ketamadunan masa lalu sangat perlu untuk membentuk identiti yang jelas terhadap ilmu yang hendak diintegrasikan tersebut (Abu Hamid Abu Sulayman 1989). Ianya berbeza dengan kaedah tradisional di mana seseorang itu terpaksa terlebih dahulu mendalmi kaedah dalam *fikh* Islam, ilmu wahyu dan sufi kerana ianya akan mengambil masa yang sangat panjang kerana kemudiannya terpaksa pula mendalmi bidang sains sosial, ataupun secara *vice-versa* menjadikan kaedah tradisional ini tidak praktikal dan menyebabkan proses integrasi ilmu menjadi sangat perlahan. Dalam konteks ini, al-Faruqi memberi cadangan melalui pendekatan yang lebih pragmatik.

Sebelum sesuatu teori dapat dihubungkan, al-Faruqi menegaskan adalah perlu untuk menguasai legasi ilmu dalam kedua-dua perspektif ilmu. Berikut konteks yang dibawa oleh al-Faruqi ialah dalam konteks agama iaitu Islam, tidak dapat tidak, penguasaan legasi ilmu-ilmu Islam perlu terdiri daripada pertama, penguasaan teks dan ilmu berkaitan yang memberi penegasan terhadap prinsip-prinsip dan dasar-dasar Islam; kedua, tradisi yang menjurus kepada prinsip kebenaran dan takwa, dan ketiga; keseluruhan pemikiran iaitu daripada ilmuwan dan ulama', reformis dan pemimpim masa kini dan yang terdahulu dalam disiplin ilmu-ilmu Islam yang berkaitan.

Untuk menghubungkan kedua-dua tradisi ilmu, al-Faruqi juga memberikan penegasan terhadap pentingnya penguasaan ilmu kontemporari dari segi asal-usul ilmu tersebut, sejarah perkembangan dan juga metodologinya (Abdul Hamid Abu Sulayman 1989). Tanpa pemahaman ilmu kontemporari yang mendalam, sukar untuk melaksanakan integrasi ilmu kerana apa yang dapat dihasilkan kelak nanti hanyalah bersifat asas sahaja.


Ilmu kontemporari pada pendapat penulis, memang tidak mempunyai masalah untuk kita mendapatkanya kerana kita semua sedang berada atau sedang dikelilingi oleh sistem pendidikan moden yang ada sekarang. Tetapi bagi al-Faruqi, hanya sekadar mengetahui dan memahami ilmu kontemporari dan legasi ilmu yang terdahulu tanpa mengetahui kelemahan-kelemahan dan kekuatan-kekuatan antara satu sama lain akan menyukarkan pengintegrasian ilmu dilakukan melalui kaedah ini. Justeru, al-Faruqi mencadangkan supaya individu dalam bidang ini perlu membangunkan kemahiran kritik yang berkesan bagi kedua-dua ilmu tersebut. Daripada kritikan-kritikan tersebut, mudah untuk mengenalpasti sela-sela (*gaps*) yang akan dibentangkan sebagai isu utama yang

hendak dikaji. Bertitik tolak daripada pengenalpastian sela tersebut, satu teori boleh dibangunkan bagi mengisi kekosongan dalam sela tersebut. Bermula daripada sini, proses integrasi di antara agama dan ilmu moden melalui kaedah hermeneutik dapat dilaksanakan.

### Integrasi Teori

Seperti kaedah kuantitatif, kaedah hermeneutik dalam konteks integrasi ilmu sains sosial kontemporari juga mempunyai kerangka teori yang perlu dibentuk. Selepas mengetahui sela sebagai isu utama yang hendak dikaji, perhubungan antara dua teori dari kedua-dua legasi ilmu tersebut kemudiannya dihubungkan. Tanpa perhubungan antara dua legasi ilmu moden dan ilmu terdahulu, integrasi tidak berlaku dan proses hermeneutik menjadi sukar. Walaupun tidak semestinya teori tersebut berbentuk turutan secara kronologi, tetapi adalah lebih mudah kepada pengkaji untuk membuat analisis dan huraian sekiranya teori tersebut dapat dibuat sedemikian. Sebagai contoh, di sini penulis bawakan teori pembentukan etika individu yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya'* iaitu kebijaksanaan (*hikmah*), keberanian (*shajāh'ah*), kesederhanaan (*'iffah*) dan keadilan (*'adālah*) yang dibuat secara turutan (Mohamed Ahmed Sherif 1975, Muhammad Abul Quasem 1978)). Teori ini kemudiannya dihubungkan dengan proses dalam pengurusan strategik moden iaitu formulasi strategi, perlaksanaan strategi dan penilaian strategi yang juga secara turutan (David 2005). Secara ringkasnya, pembentukan integrasi antara dua legasi ilmu ini adalah seperti berikut:-

GAMBARAJAH 1:  
Contoh Model Religio-Hermeneutik: Teori Etika al-Ghazali Dalam  
Proses Pengurusan Strategik Moden



Berbeza dengan kaedah kuantitatif, teori dalam kaedah hermeneutik ini tidak perlu diuji kerana tiada hipotesis yang diwujudkan dan tiada saiz sampel kajian yang diperlukan. Kesan sebab-akibat juga tidak diperlukan dalam kajian seperti ini. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh ianya melibatkan proses interpretasi, kesahan dan kebolehpercayaan adalah amat penting dan dititik beratkan untuk menjadikan penyelidikan tersebut mempunyai kredibiliti yang tinggi.

Menggunakan manuskrip lama terutamanya dalam bahasa asing seperti Arab, Persia, Urdu, Sanskrit dan sebagainya, kesahan dan kebolehpercayaan terhadap interpretasi sangat-sangat penting. Berikut sifatnya yang berbentuk subjektif, pengkaji cenderung menjadi bias dan prejudis kerana kemungkinan disebabkan oleh dipengaruhi sentimen emosi, politik ataupun budaya. Untuk mengelakkan bias dalam perspektif hermeneutik, pengkaji perlu memberi hujah, interpretasi dan penghuraian yang benar dengan merujuk kepada para ilmuan yang mempunyai kredibiliti dan diiktiraf dalam bidangnya secara individu.

Dalam konteks penyelidikan akademik terutamanya pasca siswazah, kesahan dari segi interpretasi dan penghuraian akan mempunyai kurang nilai kredibilitinya sekiranya tafsiran dan penghuraian manuskrip hanya berdasarkan kepada manuskrip yang telah diterjemah. Untuk meningkatkan kesahan, penggunaan manuskrip dalam bahasanya yang asal sebagai sumber pertama atau primer adalah satu kemestian dan terjemahan perlu diawasi secara berhati-hati dan secara bersemuka dengan pakar dalam bidang yang ingin dikaji yang memahami serta mempraktis bahasa yang digunakan. Walau bagaimanapun, terjemahan manuskrip masih boleh digunakan tetapi hanya sebagai sumber kedua atau sekunder supaya kredibiliti kajian tersebut dapat diperkuuhkan. Pengkaji perlu bijak menggunakan kedua-dua sumber primer dan sekunder ini secara berselang-seli untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dari segi interpretasi dan penghuraian. Kebolehpercayaan pula boleh dilakukan dengan menyertakan sekali hujah-hujah yang berbentuk kualitatif atau kuantitatif untuk mengukuhkan interpretasi dan penghuraian termasuk aspek historis yang telah terbukti keaslian dan kesahihannya secara ontologi dan juga epistemologi.

### **Pembinaan *Tasawwur***

Dalam pendekatan hermeneutik yang menghubungkan dua perspektif ilmu dari masa dan tamadun yang berlainan, pemahaman mendalam oleh penyelidik terhadap *tasawwur* sangat penting dan perlu diterangkan dalam dokumen penyelidikan atau tesis. Dalam penyelidikan melalui pendekatan hermeneutik ini, *tasawwur* perlu dijelaskan dari setiap perspektif yang berkaitan bergantung kepada topik yang dibincangkan dalam penyelidikan tersebut. Dengan *tasawwur* yang jelas, pengkaji dan pembaca akan mendapat gambaran awal, pemahaman asas, garis panduan serta sempadan perbincangan tentang tema keseluruhan penyelidikan yang akan dilakukan kemudiannya. *Tasawwur* akan membentuk cara bagaimana seseorang itu memandang, berfikir dan menulis dalam skop isu yang dikaji melalui asas-asas epistemologi yang dibincangkan dari mana-mana budaya dan tamadun dalam penyelidikan tersebut (Ridzuan Masri 2012).

Mengikut kamus Oxford, *tasawwur* ialah satu himpunan yang terdiri daripada kepercayaan asas, nilai, budaya, tradisi dan sebagainya yang membentuk dan menentukan pandangan komprehensif seseorang terhadap alam. Ia merupakan cara bagaimana kita melihat kehidupan secara ontologi tentang persoalan tujuan dan keberadaannya. Ianya merupakan kerangka untuk kita memahami kepercayaan dan idea serta penilaian kebenaran, atau kesilapan. Ianya memberi makna dan nilai kepada tamadun, cara hidup dan pemikiran, sejarah dan peristiwa.

*Tasawwur* terdiri daripada tiga kategori utama iaitu *tasawwur* bersifat saintifik, *tasawwur* bersifat falsafah dan *tasawwur* bersifat keagamaan. *Tasawwur* bersifat saintifik merupakan *tasawwur* yang membincangkan sebahagian kecil daripada eksistensi atau keberadaan secara induktif dan deduktif yang menjurus kepada penyelidikan dunia sebenar. *Tasawwur* bersifat falsafah pula berurusan dengan isu fizikal dan metafizikal yang memberi makna kepada kehidupan dan tujuan keberadaan. Ianya merupakan produk hasil dari pemikiran dan aktiviti spekulasi manusia yang membentuk pemikiran, tanggapan, sikap dan rasional. Manakala *tasawwur* bersifat keagamaan pula, merupakan aktiviti kajian fizikal dan metafizikal terhadap alam nyata dan alam ghaib, termasuk perspektif kehidupan dan alam semesta. Dari aspek *tasawwur* agama ini, pengkaji perlu memahami berkenaan hakikat ketuhanan, sifat-sifat wahyu, hakikat penciptaan, ciri-ciri agama, pemikiran, tradisi keilmuan dan sumber-sumber kepada pandangan *tasawwur* tersebut kerana ciri-ciri dan sifat-sifat yang ada dalam agama tidak berubah mengikut zaman atau keadaan sekeliling, tidak seperti *tasawwur* saintifik dan kefalsafahan yang sentiasa berubah-ubah kerana perubahan terhadap budaya, keadaan sekeliling dan pemikiran manusia.

Dalam kaedah penyelidikan kualitatif secara hermeneutik yang diintegrasikan dengan ilmu pengetahuan moden, pengkaji perlu membangunkan kaedah *tasawwur* agama dan juga *tasawwur* falsafah yang akan menjadi panduan terutamanya perbahasan berkaitan dengan kritik. Namun begitu, masalah utama dalam pembentukan *tasawwur* dari perspektif agama, falsafah dan ilmu moden ini ialah, seseorang itu akan cenderung menjadi bias dan bersikap prejudis bergantung kepada kepentingan dan kecenderungan penyelidikan tersebut. Ini kerana, proses interpretasi teks akan cenderung kepada aktiviti spekulasi. Masalah ini sangat sukar untuk diatasi kerana ianya banyak bergantung kepada kepercayaan, keimanan, emosi, sikap yang sinikal, pemikiran dan budaya yang telah membentuk cara berfikir, sikap dan rasional seseorang pengkaji itu. Justeru, untuk meminimakan kecenderungan bias dan prejudis dalam mengemukakan *tasawwur* berbentuk agama dan falsafah ini, seseorang pengkaji itu harus benar-benar memahami asas bidang agama, falsafah termasuk ketamadunannya dalam bidang yang hendak dikaji tersebut secara ontologi yang meliputi keseluruhan keberadaan, sejagat, sejarah perkembangan teori yang dibincangkan, dan juga kesan dari aspek sosio-budaya yang telah terbukti hasil dari pendukungan terhadap agama dan falsafah tersebut.

## KRITIK

Di sebalik kelebihan menggunakan kaedah hermeneutik dalam menghasilkan ilmu-ilmu kontemporari yang bersifat holistik, tidak banyak kajian empirikal yang telah dilakukan untuk mengkaji dan mengukur keberkesanannya perlaksanaannya hasil dari kajian tersebut terutamanya dalam konteks bidang pengurusan dan perniagaan kontemporari. Disebabkan oleh kekurangan data-data statistik mengenai keberkesanannya perlaksanaannya, banyak kajian-kajian berbentuk *religio-hermeneutik* ini hanya menjadi sebagai kajian berbentuk konseptual sahaja kecuali terdapat usaha berterusan untuk membuktikan keberkesanannya perlaksanaannya dalam organisasi. Pengkaji juga perlu mendalamai kedua-dua cabang ilmu iaitu ilmu-ilmu berbentuk agama, dan falsafah dan juga ilmu-ilmu pengurusan dan perniagaan kontemporari yang akan mengambil masa yang agak lama untuk dikuasai.

Kaedah hermeneutik sebenarnya mempunyai banyak kelebihan kepada pengkaji yang berminat dalam bidang kajian kualitatif, terutamanya kepada mereka yang berminat dalam kajian berbentuk teks dan interpretif. Namun, menulis dalam kaedah ini kerap kali dilihat sebagai sesuatu yang sangat berat dan sukar serta tidak dapat ditembusi terutamanya kepada mereka yang kurang kemahiran dalam penulisan serta kurang minat mengkaji aspek tradisi dalam pelbagai dimensi epistemologi dan falsafah. Justeru, untuk memudahkan menghubung dan mengintergraskan kaedah hermeneutik dalam kajian bidang pengurusan dan perniagaan, pengkaji perlu membangunkan kerangka yang jelas dalam kedua-dua aspek iaitu konteks agama dan juga kontemporari supaya proses kajian selanjutnya tidak tersasar dari objektif dan skop penyelidikan.

## KESIMPULAN

Penyelidikan *religio-hermeneutik* ini merupakan kaedah yang mungkin agak asing kepada pelajar-pelajar atau pengkaji bidang pengurusan atau perniagaan, secara khususnya di Malaysia. Di peringkat universiti tempatan, bidang penyelidikan seperti ini kebiasaannya ditawarkan oleh fakulti-fakulti berkaitan Pemikiran Islam atau Tamadun Islam. Walau bagaimanapun, kebanyakan kaedah penyelidikan di fakulti-fakulti terbabit menjurus kepada penggunaan kaedah-kaedah *exegesis* bagi memberi penafsiran dan interpretasi menggunakan teks, manuskrip atau sumber-sumber yang dianggap autoriti terhadap isu-isu dalam konteks kontemporari.

Pengintegrasian dari ilmu yang terdahulu dan ilmu kontemporari sebagai salah satu cabang kepada penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah yang memerlukan pengkaji untuk membuat penyelidikan melalui pembacaan secara meluas. Pengkaji perlu mengetahui dan mengkaji kedua-dua perspektif ilmu yang berkaitan dan kemudiannya menentukan kaedah sama ada hanya menggunakan kaedah hermeneutik atau kedua-dua kaedah *exegesis* dan hermeneutik secara bersekali.

Kaedah hermeneutik memerlukan pengkaji untuk mendapatkan bantuan ilmuwan yang mahir dalam bahasa yang berkaitan untuk membantu proses interpretasi sekiranya memerlukan teks dari sumber bahasa yang asal atau original untuk mengukuhkan kredibiliti dari perspektif sumber rujukan. Ianya berbeza dengan kajian empirikal yang hanya mengkaji sebahagian kecil isu-isu atau sesuatu fenomena dan interpretasi terhadap data yang hanya berasaskan kepada keputusan formula statistik. Kaedah hermeneutik dalam konteks pengintegrasian ilmu terdahulu yang bersifat keagamaan dan ilmu kontemporari terutamanya dalam bidang perniagaan dan pengurusan masih lagi dianggap baru kerana secara konsepnya, ianya masih lagi diperdebatkan terutamanya dari aspek strategi dan kerangka yang bersesuaian.

Usaha pengintegrasian ilmu ini dapat dilihat melalui projek Gagasan Islamisasi Ilmu yang diasaskan dan diusahakan oleh Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas di Malaysia dengan tertubuhnya Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) dibawah pengurusan Universiti Islam Antarabangsa pada 1987, manakala di Amerika lebih awal sedikit iaitu pada tahun 1981 dengan penubuhan International Institute of Islamic Thought (IIIT).

Tidak mustahil sekiranya kaedah hermeneutik ini dipanjangkan kepada fakulti-fakulti lain selain dari fakulti berasaskan ketamadunan dan pemikiran atau falsafah. Ini adalah kerana, ilmu perniagaan dan pengurusan kontemporari bukan semata-mata berdasarkan data statistik, tetapi lebih jauh daripada itu. Kebarangkalian menggunakan metodologi hermeneutik ini sebagai satu metodologi harus dipromosikan diperingkat universiti kerana sumbangannya juga begitu besar terhadap pembangunan ilmu-ilmu baru. Output kajian juga lebih berbentuk universal dan lebih luas skop dan ilmu pengetahuannya, berbeza dengan data empirik yang mengkaji hanya sebahagian kecil isu-isu secara induktif atau deduktif semata-mata.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Abu Sulayman (pnyt.). 1989. *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*. 2<sup>nd</sup> ed. US: International Institute of Islamic Thought.
- Coelho, I. 2001. *Hermeneutics and Method: The 'Universal Viewpoint' in Bernard Lonergan*. Canada: University of Toronto Press.
- David, F.R. 2005. *Strategic Management. Concept and Cases*. 10<sup>th</sup> ed.. New Jersey: Pearson Education International.
- Gadamer, H.G. 2006. *EPZ Truth and Method*. Terj. London: Continuum Publishing Group.
- Grondin, J. 1993. *The Universality of Hermeneutics*. Paris: PUF.

- Johannes A. van der Ven. 2004. *Hermeneutics And Empirical Research In Practical Theology: The Contribution Of Empirical Theology*. In Hermans, C.A.M. & Moore, M.E. (pnyt.). Netherland: Brill.
- Lavoie, D. (pnyt.). 1991. *Economics and Hermeneutics*. USA: Routledge.
- Lombaerts, H & Pollefeyt, D. (pnyt.). 2004. *Hermeneutics and Religious Education*. Belgium: Uitgeveru Peeters.
- Lonergan, B. 1992. *Insight: A Study of Human Understanding* (5<sup>th</sup>ed.). Canada: University of Toronto Press.
- Malpass, J. 2009. *Hans-Georg Gadamer*. Stanford Encyclopedia of Philosophy. <http://plato.stanford.edu/>. [28 July 2012].
- Mohamed Ahmed Sherif. 1975. *Ghazali's Theory of Virtue*. US: State University of New York.
- Muhammad Abul Quasem. 1978. *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. New York: Caravan Books.
- Negru, T. 2007. Gadamer-Habermas Debate and Universality of Hermeneutics. *Cultura International Journal of Philosophy of Culture and Axiology* 2007 (7): 113-119.
- Oxford English Dictionary.
- Ridzuan Masri. 2012. al-Ghazali *Ihya* and the Ethics of the Modern Strategic Management: A Critical Evaluation. Disertasi Dr. Fal. Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur.
- Ridzuan Masri & Razlina Abd Rani. 2015. *al-Ghazali dalam Pengurusan Strategik: Pendekatan Etika Islam*. Selangor: KUIS.